



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

BACAAN KEDUA

**RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KERJA SOSIAL
(RUU PKS) DI DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN
KELIMA BELAS**

LOKASI / TARIKH

**DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA
14 JULAI 2026 (SELASA)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial 2026 dibacakan untuk kali kedua sekarang.

PENDAHULUAN

Tuan Yang Dipertua,

2. Kerja sosial merupakan satu bidang tugas yang murni bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh individu, kumpulan atau komuniti agar mereka dapat kembali berfungsi dan meneruskan kehidupan secara berdikari.

3. Namun begitu, kerja sosial tidak boleh disamakan dengan tugas sukarelawan semata-mata seperti tanggapan kebanyakan orang. Kerja sosial ialah satu profesion yang memerlukan kompetensi, pengetahuan, kemahiran dan latihan secara formal.

4. Ia melibatkan proses-proses yang perlu dilaksanakan secara teratur bermula daripada penglibatan (*engagement*) dengan individu/kumpulan yang hendak dibantu, penilaian, perancangan intervensi, pelaksanaan intervensi, penilaian semula keadaan individu/kumpulan sehinggalah penamatan perkhidmatan yang diberikan.

5. Oleh itu, kerja sosial haruslah dilaksanakan dengan menggunakan kemahiran dan kaedah-kaedah tertentu agar benar-benar membantu rakyat dalam mengembalikan dan meningkatkan kefungsi sosial dan kesejahteraan mereka.

6. Justeru, individu yang melakukan kerja sosial perlu dipastikan memiliki kompetensi dan pengetahuan asas sekurang-kurangnya mengenai tingkah laku manusia, psikologi kanak-kanak, sistem sosial, undang-undang dan dasar-dasar sedia ada untuk membantu rakyat. Ini penting kerana keputusan yang dibuat oleh pekerja sosial boleh memberi kesan kepada kehidupan klien secara langsung.

Tuan Yang Dipertua,

7. Perjalanan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam membangunkan kerangka perundangan bagi meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial ini telah bermula sejak lebih sepuluh tahun dahulu. Pelbagai pandangan yang diterima, pelbagai cadangan diambil kira. Cabaran untuk mencari satu kerangka terbaik bagi memenuhi hasrat dan harapan semua pihak, diakui sukar. Tetapi, saya dan pasukan di KPWKM telah menanam sasaran untuk membawa perjalanan yang panjang untuk merealisasikan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS) ini agar akhirnya melintasi garisan penamat.

8. Selaras dengan iltizam reformasi Kerajaan MADANI, KPWKM telah mengambil pelbagai usaha dan inisiatif agar RUU ini dapat dibentangkan pada tahun ini. Bagi tujuan tersebut, kami telah melaksanakan pelbagai siri bengkel, mesyuarat dan sesi libat urus berterusan dengan pihak-pihak berkepentingan seperti kementerian, jabatan serta agensi Kerajaan, badan bukan Kerajaan, pihak Kerajaan Negeri dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

9. Berdasarkan pertimbangan terhadap semua input bengkel dan sesi libat urus tersebut, KPWKM telah membuat penambahbaikan berterusan kepada dasar-dasar dalam RUU PKS. Tindakan ini diambil agar keperluan semasa dan akan datang dalam bidang kerja sosial ini dapat dipenuhi dan seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak, terutamanya kepada golongan rentan yang paling memerlukan perkhidmatan kerja sosial ini.

Tuan Yang Dipertua,

10. Perubahan dalam landskap demografi negara yang menuju ke arah negara tua, urbanisasi yang pesat, peningkatan kos sara hidup, penggunaan teknologi maklumat dan kecerdasan buatan (AI) yang meluas menimbulkan pelbagai cabaran hidup kepada rakyat.

11. Dapatan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2022 oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menunjukkan bahawa antara cabaran utama yang dihadapi oleh keluarga di Malaysia ialah masalah sosial, dengan sebanyak 40.2% responden bersetuju dengan fakta ini.

12. Sementara itu, Kajian Pengurusan Organisasi JKM Ke Arah Pewujudan Ekosistem Perkhidmatan Sosial Yang Cemerlang oleh Pasukan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) pada tahun 2019 menunjukkan nisbah pekerja sosial JKM kepada populasi penduduk Malaysia ialah seorang pekerja sosial kepada 8,576 penduduk. Nisbah ini memang besar jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti:

- di Amerika Syarikat, di mana nisbahnya ialah seorang pekerja sosial kepada 490 orang penduduk;
- di Australia, seorang pekerja sosial kepada 1,040 orang penduduk;
- di United Kingdom, seorang pekerja sosial kepada 3,025 orang penduduk; dan
- di Singapura, seorang pekerja sosial kepada 3,448 orang penduduk.

13. Jumlah kes yang dikendalikan oleh JKM juga telah berlipat ganda dalam tempoh lima tahun, iaitu sebanyak 1,013,466 kes pada tahun 2025 berbanding 663,628 kes pada tahun 2020.

14. Angka ini menunjukkan cabaran isu sosial yang semakin kompleks dihadapi oleh rakyat. Kes isu sosial menunjukkan tren meningkat dan jika berlanjutan, ia seterusnya boleh meningkatkan lagi permintaan terhadap perkhidmatan sosial di masa hadapan.

15. Peningkatan dalam jumlah kes sosial ini tidak seharusnya terus menerus ditampung sepenuhnya oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat di bawah JKM atau pegawai awam sedia ada dalam sektor awam di masa hadapan.

16. Oleh itu, penggubalan RUU PKS ini adalah penting agar kita dapat meningkatkan jumlah pekerja sosial yang berkelayakan di Malaysia daripada sektor swasta atau badan bukan Kerajaan yang boleh sama-sama berganding bahu dengan Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan sosial kepada rakyat.

17. Ini kerana, melalui penggubalan RUU PKS, pekerja sosial yang kompeten akan diberikan perakuan oleh badan kawal selia, iaitu Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya untuk memberikan perkhidmatan sosial. Dalam erti kata lain, RUU PKS menyediakan suatu ruang bagi

mewujudkan kerjasama strategik antara sektor awam dan swasta untuk bekerjasama demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang Dipertua,

18. Walaupun profesion kerja sosial semakin berkembang di peringkat global, pada masa ini kita masih tidak mempunyai takrifan perkhidmatan kerja sosial yang jelas dalam mana-mana akta di Malaysia. Perkhidmatan kerja sosial yang ditawarkan oleh Kerajaan dilaksanakan oleh pegawai awam merentasi pelbagai kementerian dan agensi berdasarkan akta serta peraturan di bawah kementerian atau agensi masing-masing.

19. Di samping itu, pelbagai perkhidmatan sosial juga disediakan oleh sektor swasta yang merangkumi Badan Bukan Kerajaan (*NGO*), Organisasi Berasaskan Komuniti (*Community Based Organisation – CBO*), syarikat korporat serta orang perseorangan tanpa takrifan yang jelas. Walau bagaimanapun, pada masa ini Kerajaan tiada sebarang data mengenai jumlah, kompetensi atau profil pekerja sosial ini.

20. Oleh itu, Kerajaan dan rakyat tiada mekanisme untuk mengenal pasti siapa pekerja sosial yang benar-benar layak memberikan bantuan kepada rakyat selain daripada pegawai awam. Melalui RUU ini, ketiadaan mekanisme ini boleh diatasi.

21. Ini juga boleh mengelakkan berlakunya isu sosial yang lebih kompleks seperti kes pedofilia. Contoh perkara yang ingin dikekang adalah seperti kes seorang warganegara British bernama Richard Huckle pada tahun 2016 yang pada mulanya memasuki Malaysia atas alasan bertujuan melaksanakan aktiviti kerja sosial, tetapi akhirnya disabitkan kesalahan merogol dan serangan seksual ke atas 23 orang kanak-kanak di negara ini.

KANDUNGAN RUU

Tuan Yang Dipertua,

22. Selaras dengan perkembangan masyarakat dan isu sosial yang semakin kompleks, sudah tiba masanya untuk Kerajaan meningkatkan taraf profesion kerja sosial di Malaysia melalui undang-undang dan peraturan. Ini penting untuk mengawal selia amalan kerja sosial supaya Kerajaan dapat memastikan profesionalisme serta akauntabiliti pengamal kerja sosial terpelihara.

23. Oleh itu, perkara utama yang ingin dilaksanakan melalui RUU PKS ini adalah pembentukan satu kerangka tadbir urus yang sistematik dan jelas bagi mengawal selia pekerja sosial dan meningkatkan kompetensi dan kualiti perkhidmatan kerja sosial yang disampaikan kepada rakyat agar lebih terjamin, berkesan dan selamat.

24. Ini akan dilakukan melalui penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia di bawah RUU PKS di mana badan ini akan melaksanakan beberapa fungsi penting.

25. Pertamanya, Majlis ini bertanggungjawab meluluskan dan mengeluarkan Perakuan Amalan, Perakuan Amalan Sementara dan Perakuan Interim kepada pengamal kerja sosial.

26. Pengamal kerja sosial yang menerima perakuan amalan ini akan disenaraikan dalam daftar yang dikawal selia oleh Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia. Seterusnya, daftar ini boleh diakses oleh rakyat untuk tujuan pengesahan kelayakan agar mereka boleh mendapatkan perkhidmatan daripada pengamal kerja sosial yang berdaftar dan menghindarkan diri daripada mana-mana orang yang hanya menggelarkan diri sebagai pekerja sosial tanpa kelayakan atau kompetensi sebenar.

27. Kedua, Majlis ini akan membangunkan standard kompetensi profesional dan memastikan jaminan kualiti program-program yang ditawarkan dalam bidang kerja sosial. Dengan ini, kualiti program-program yang disampaikan kepada pengamal kerja sosial dapat dipastikan mutunya agar setiap individu yang melaksanakan perkhidmatan sosial memiliki kemahiran yang sewajarnya dan menjalankan tugas mereka berdasarkan keperluan piawaian kompetensi yang ditetapkan.

28. Ketiga, Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia juga bertanggungjawab melaksanakan fungsi bagi mengawal selia etika dan disiplin pengamal kerja sosial melalui pengurusan aduan, tatacara siasatan dan tindakan tatatertib yang teratur.

29. Justeru, RUU PKS ini dapat memberi perlindungan undang-undang kepada rakyat yang menerima perkhidmatan sosial dan mengawal isu salah laku atau eksploitasi pekerja sosial semasa memberi perkhidmatan kepada rakyat. Pada masa yang sama, RUU PKS ini juga menjadi platform bagi melindungi pekerja sosial dengan adanya penubuhan Jawatankuasa Siasatan dan Tatatertib di bawah Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia bagi melaksanakan siasatan ke atas setiap aduan yang diterima dengan adil dan saksama tanpa terus menunding jari atau membuat tohmahan yang tidak berasas terhadap pekerja sosial.

30. Keempat, Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia juga diberi kuasa dan boleh melaksanakan perundingan dan menilai peluasan pemakaian Akta ini pada masa hadapan. Perkara ini diperuntukkan dengan jelas dalam RUU agar peluasan pemakaian kepada mana-mana kumpulan pekerja sosial dapat dibuat secara berfasa mengikut keperluan dan ketersediaan di lapangan. Perkara ini adalah penting agar kualiti dan kelangsungan penyampaian perkhidmatan sosial dalam negara terjamin dan peluasan pemakaian dapat dibuat mengikut peredaran masa.

31. Dan kelima, Majlis ini juga bertanggungjawab melaksanakan promosi dan advokasi berkaitan profesion kerja sosial. Perkara ini amat perlu memandangkan takrifan perkhidmatan kerja sosial masih belum difahami sepenuhnya oleh masyarakat kita.

Tuan Yang Dipertua,

32. Dalam usaha melahirkan pekerja sosial yang kompeten, Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini turut menawarkan kursus dalam bidang kerja sosial. Sehingga Jun 2026, tiga buah IPTA menawarkan Ijazah Doktor Falsafah, tiga buah IPTA dan sebuah IPTS menawarkan Ijazah Sarjana Kerja Sosial, tujuh buah IPTA menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial, tiga buah IPTS menawarkan Diploma Kerja Sosial dan sebuah IPTA menawarkan Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial.

33. Namun, berdasarkan maklumat yang diterima menerusi sesi libat urus dengan ahli-ahli akademik, kebanyakan graduan kerja sosial terpaksa beralih ke bidang lain seperti pentadbiran dan pemasaran berikutan peluang kerjaya dalam bidang kerja sosial yang terhad.

34. Kerja sosial merupakan bidang yang penting, namun belum lagi menjadi satu “industri” yang besar di Malaysia. Oleh itu, RUU PKS bukan sahaja diperlukan bagi menjaga kebajikan penerima

perkhidmatan kerja sosial tetapi juga untuk menjadikan profesion kerja sosial sebagai satu kerjaya yang bereputasi dan penting dalam masyarakat.

35. Penggubalan RUU PKS ini diyakini boleh menjadi salah satu pemangkin utama untuk menghasilkan peluang pekerjaan baharu serta menggalakkan penyertaan golongan muda dalam menceburi bidang tersebut di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

36. Rang Undang-Undang ini mengandungi **36 Fasal** yang dibahagikan kepada **tujuh Bahagian** seperti berikut:

- (a) **Bahagian I** mengandungi 2 Fasal meliputi tajuk dan takrifan perkataan atau ungkapan dalam RUU ini.
- (b) **Bahagian II** mengandungi 14 Fasal yang memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia.
- (c) **Bahagian III** mengandungi 6 Fasal yang memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pengamal kerja sosial dan pelatih kerja sosial.

- (d) **Bahagian IV** mengandungi 6 Fasal yang memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan prosiding tatatertib.
- (e) **Bahagian V** mengandungi 2 Fasal yang memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan pengeluaran daripada dan kemasukan semula ke dalam Daftar.
- (f) **Bahagian VI** mengandungi 2 Fasal yang memperkatakan peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan-kesalahan.

Dan yang terakhir iaitu

- (g) **Bahagian VII** mengandungi 4 Fasal yang memperkatakan peruntukan am.

PENUTUP

Tuan Yang Dipertua,

37. Cadangan penggubalan akta baharu ini akan mewujudkan satu mekanisme perundangan khusus bagi mengawal selia dan memperkasakan profesion kerja sosial di Malaysia.

38. Penggubalan RUU PKS akan membolehkan pengamal kerja sosial yang ingin mengamalkan kerja sosial di Malaysia memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat. Ini

akan meningkatkan keyakinan orang awam terhadap perkhidmatan kerja sosial di negara ini.

39. Penggubalan RUU PKS merupakan reformasi yang amat signifikan bagi memastikan perkhidmatan kerja sosial di negara ini dilaksanakan oleh pengamal yang kompeten, beretika dan memenuhi standard profesional yang ditetapkan. Pada masa yang sama, perundangan ini akan memberikan pengiktirafan kepada pengetahuan, kemahiran serta kelayakan kepada pengamal kerja sosial di negara ini.

40. Secara keseluruhannya, penggubalan RUU ini adalah inisiatif penting dalam memperkukuh ekosistem kesejahteraan sosial negara, selaras dengan dasar dan hala tuju pentadbiran Kerajaan MADANI yang berteraskan nilai kemanusiaan dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.